

02 SEP 1997

Sabbaruddin-persediaan

PERSEDIAAN BAGI PERHIMPUNAN UMNO PENTING BAGI SABBARUDDIN CHIK

Oleh: Abdurahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Persediaan bagi perhimpunan agung UMNO mungkin sama setiap tahun, tetapi tahun ini adalah penting bagi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbarruddin Chik kerana ini adalah kali pertama beliau mengendalikan persediaan acara tersebut sejak beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung parti tersebut.

"Tiada masalah dalam persediaan bagi perhimpunan tersebut," kata Sabbaruddin yang ditemui oleh pemberita di pejabatnya di tingkat 36, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tempat perhimpunan agung itu akan berlangsung.

Pihak media telah dibawa melawat persediaan terakhir untuk perhimpunan itu oleh Putrade Property Management sdn bhd, iaitu pihak pengurusan PWTC.

Sabbaruddin berkata kawalan keselamatan adalah ketat dan hanya mereka yang mempunyai pas sahaja dibenarkan memasuki dewan persidangan pergerakan pemuda dan wanita dan juga dewan perhimpunan agung di Dewan Merdeka.

Perhimpunan pergerakan pemuda dan wanita akan diadakan masing-masing di Dewan Tun Dr Ismail dan Dewan Tun Hussein Onn pada hari Khamis, manakala perhimpunan agung selama tiga hari akan bermula pada hari Jumaat di Dewan Merdeka.

"Prosedur perhimpunan adalah sama seperti tahun-tahun sebelumnya tetapi persediaan fizikal dari segi kemudahan akan dipertingkatkan," kata beliau sambil menambah kata sekretariat UMNO telah mengambil kira rungutan tahun lepas berkaitan kemudahan yang disediakan untuk para perwakilan, media dan pemerhati.

"Saya pastikan semua rungutan akan diteliti dan kita akan melakukan sebaik mungkin untuk memperbaiki keadaan. Jika anda tidak membuat rungutan kita tidak akan tahu masalah anda," kata beliau.

Ditanya berkaitan perbelanjaan bagi persidangan itu, beliau berkata "jangan bimbang berkaitan perkara itu yang penting adalah layanan yang diberikan."

Beliau berkata esok adalah hari yang sibuk kerana para perwakilan mulai tiba untuk pendaftaran. Ini termasuk pertemuan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan kesemua ketua bahagian dan perhubungan negeri, naib-naib ketua, setiausaha, ketua penerangan dan bendahari. Ini akan diikuti oleh perjumpaan Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan pembentang resolusi.

Sementara itu kakitangan Putrade Property Management Sdn Bhd, kelihatan sibuk membuat persediaan bagi perhimpunan tersebut.

Meja untuk jamuan makan telah disediakan, kerusi untuk perwakilan telah disusun, 10,000 gelas, cawan dan piring dan set alat pemotong seperti pisau telah disediakan.

Pengurus Kanan bagi Perhubungan Awam dan Komunikasi, Puan Sopiah Suid berkata pembantu tambahan seramai 345 orang telah diperolehi bagi melicinkan urusan semasa perhimpunan nanti.

Bagi makanan yang akan disediakan, Chef Eksekutif Low keng Meng telah memesan 4,000 kg ayam, 5,000 telur, 3,500 kg beras, 2,000 kg daging beku, 1,500 kg sotong segar, ikan tenggiri (1,200 kg), udang (1,000 kg), ikan merah (900 kg), sayur sawi (550 kg), kentang (500 kg), lobak, kobis bulat, kubis bunga dan tomato masing-masing 200 kg, bawang (160 kg), kacang panjang (90 kg) dan santan kelapa (50 kg).

Katanya rihats untuk kopi pagi dan petang akan disediakan di dewan Tun Razak IV, manakala makan tengah hari di dewan Tun Razak I.

Jamuan makan malam yang akan diadakan oleh Dr Mahathir untuk seramai

7,000 orang akan diadakan di tempat terbuka "pasar tani" bersebelahan dengan dewan Tun Razak I pada hari Sabtu, manakala Anwar akan menganjurkan makan tengah hari untuk 2,000 orang di dewan Tun Razah I pada hari Khamis.

Sopiah berkata kira-kira 20,170 tangkai daripada 20 jenis bunga dan tambahan 800 dozen lagi bunga akan digunakan untuk menghias setiap penjuru termasuk Dewan Merdeka, Tun Dr Ismail dan Tun Hussein Onn, pintuk masuk dan kaunter perkhidmatan.

Beliau berkata kira-kira 800 wartawan tempatan dan asing, dan jurugambar akan membuat liputan dari tempat-tempat khas yang disediakan untuk mereka.

Beliau berkata sejumlah 5,000 rol kertas bilik air telah disediakan untuk perhimpunan itu.--BERNAMA

ARA RI